

KENYATAAN TAWARAN TENDER

TENDER TERBUKA

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dibawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 untuk melaksanakan semua program dan inisiatif yang dikenal pasti di bawah Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).



MAJLIS
PEMBANGUNAN
ECER

- 1.0 Tawaran adalah dipelawa daripada Pembekal Perkhidmatan yang memenuhi syarat-syarat berikut dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang tertera di bawah:-
- Berdaftar dengan SSM / ROS / ROB dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
 - Berpengalaman menjalankan program latihan akademik dan motivasi yang merangkumi pelajar UPSR/ PPSR, PT3 dan SPM dengan jaya bernilai tidak kurang dari RM1 juta bagi Satu (1) kontrak dalam tempoh Sepuluh (10) tahun yang lepas.

No. Tender	Tajuk Projek	Harga Dokumen
HC/T18-028	PELANTIKAN PEMBEKAL PERKHIDMATAN UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM <i>empower</i> ECER: PROGRAM AKADEMIK 2019 DI JERANTUT, MARAN, ROMPIN, TEMERLOH, CAMERON HIGHLANDS, RAUB, LIPIS, BENTONG DAN MERSING UNTUK MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC).	RM50.00

- 2.0 Petender - petender yang berminat memasuki tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat projek. Petender-petender juga dikehendaki **menghubungi Majlis Pembangunan ECER** untuk memaklumkan kehadiran ke taklimat projek di talian 03-2035 0021 / 0022.

Taklimat projek akan diadakan pada hari **Jumaat, 21 Disember 2018** seperti berikut:

Tempat : **Pejabat ECERDC Negeri Pahang
B8002, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,
25050 Kuantan, Pahang, Darul Makmur**

Masa : **11.00 pagi - 11.30 pagi : Pendaftaran Petender
11.30 pagi : Taklimat Tender**

- 3.0 Hanya petender yang menghadiri taklimat projek sahaja layak membeli Dokumen Tender ini.
- 4.0 Dokumen Tender boleh dibeli mulai **21 Disember 2018** hingga **27 Disember 2018** pada waktu pejabat **8.30 pagi** hingga **4.30 petang** di **Pejabat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)** di:
- Aras 22, Menara 3 PETRONAS, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur
 - Pejabat ECERDC Negeri Pahang, B8002, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek, 25050 Kuantan, Pahang, Darul Makmur
- 5.0 Petender dikehendaki membawa Sijil Asal atau Salinan Sijil Yang Disahkan bagi Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (di dalam gred dan kategori pendaftaran yang berkaitan) bersama Satu (1) salinan sijil-sijil tersebut semasa taklimat tender dan pembelian Dokumen Tender.
- 6.0 Bayaran Dokumen Tender hendaklah menggunakan Wang Kiriman / Bank Draf atas nama **MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
- 7.0 Petender hendaklah memasukkan Dokumen Tender yang telah lengkap diisi ke dalam bungkusan bermeteri. Tulis Nombor Tender dan Tajuk Projek di sudut atas kiri bungkusan serta alamatkan kepada "**Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Aras 22, Menara 3 PETRONAS, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur**". Petender hendaklah memastikan bungkusan diterima oleh ECERDC sebelum pukul **3.00 petang** pada hari **Jumaat, 4 Januari 2019**.
- 8.0 Pihak **Majlis Pembangunan ECER** tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tender.